



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
NUKLEAR MALAYSIA
BAGI BULAN OKTOBER**

**TARIKH:
9 OKTOBER 2024 (RABU)**

**TEMPAT:
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI) & DALAM TALIAN**

Bismillahirrahmanirahim

Assalammualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Terima kasih kepada pengacara saudara/saudari majlis pada pagi ini;

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak bin Mansor

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza bin Mohamad Hasan

Yang kini menanggung tugas-tugas Pengarah Kanan Program Pengkomersialan dan Perancangan Teknologi

Yang Berusaha Dr. Shukri bin Mohd

Yang kini menanggung tugas-tugas Pengarah Kanan Program Pengurusan

YM Raja Jamal Abdul Nasser bin Raja Hedar

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BSM)

selaku penganjur bagi Majlis Perhimpunan Bulanan pada pagi ini

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus

Warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas izin dan limpah kurniannya, dapat sekali lagi kita bersama-sama pada pagi ini mengimarahkan Perhimpunan Bulanan Bil.7/2024 yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BSM) dengan tema “Bulan Bahasa Kebangsaan”.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia yang hadir di perhimpunan pagi ini sama ada secara fizikal dan juga yang hadir secara dalam talian.
3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua warga kerja lantikan baharu atau yang bertukar masuk ke Agensi Nuklear Malaysia. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar Tuan/Puan dapat menjalankan tugas dengan penuh disiplin, amanah dan bertanggungjawab demi memastikan kecemerlangan tugas sebagai penjawat awam tercapai.

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

4. Tanpa sumber manusia dan modal insan, sesebuah organisasi dan Jabatan hanyalah sebuah objek atau entiti. Setiap sosok individu yang menjadi modal insan dalam sesebuah Jabatan bertanggungjawab terhadap kemajuan atau kegagalan Jabatan tersebut.

5. Nilai sebenar sesebuah organisasi bercambah daripada tenaga kerjanya, iaitu anda semua, warga Nuklear Malaysia sekalian. Andalah modal insan yang menggerakkan Nuklear Malaysia untuk berdiri dan dikenali sehingga kini.
6. Perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-19 Tahun 2024, telah menegaskan bahawa penugasan berbilang (*multi-tasking*) dan kemahiran berbilang (*multi-skilling*) dalam kalangan pegawai-pegawai adalah amat digalakkan sebagai pulangan kepada Kerajaan.
7. Maka, beban dan kompleksiti tugas sedia ada hendaklah ditingkatkan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam.
8. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga baru-baru ini, telah memperkenalkan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang memberi tumpuan kepada lima Bidang Keberhasilan Reformasi, atau BKR.
9. Lima BKR ini adalah Penghayatan Nilai dan Tatakelola, Pembangunan Modal Insan, Pembangunan Organisasi, Penyampaian Perkhidmatan dan Memperkasakan Sinergi Awam dan Swasta.
10. Agenda ini akan diperkukuhkan dengan 20 strategi dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan termasuk memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Untuk

merealisasikannya, sektor awam tidak boleh bergerak sendiri, sebaliknya akan menggunakan pendekatan diperkenalkan sebagai *Associated and Integrated Strategy*.

11. *Associated* menekankan konsep *whole-of-nation* membabitkan sektor swasta manakala *integrated* menekankan konsep *whole-of-government* yang membabitkan integrasi antara jabatan kerajaan.
12. Pendekatan tersebut boleh dilakukan dengan membangunkan kerjasama strategik dan sinergi antara agensi, perkongsian sumber secara optimum serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan bagi memastikan setiap inisiatif yang hendak dilaksanakan menyumbang secara langsung kepada matlamat Ekonomi Madani.
13. Pelaksanaan sistem penilaian prestasi tahunan yang baharu bagi menggantikan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) kepada sistem MyPERFORMANCE akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2025. Sistem ini berasaskan kepada aspek kompetensi dan nilai serta menitikberatkan prinsip adil, objektif, telus, relevan dan kebolehasingan.

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

14. Selaras dan seiring dengan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam, Nuklear Malaysia telah memuktamadkan penghasilan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) yang akan menjadi salah satu kriteria penilaian di dalam MyPERFORMANCE bermula Oktober tahun ini.

15. KKF ini merujuk kepada senarai kompetensi dan takrifan serta tahap yang perlu dikuasai oleh penjawat awam mengikut skala kompetensi yang telah ditetapkan. Saya berharap semua warga Nuklear Malaysia yang terlibat dapat memberi kerjasama dan bersedia untuk proses baharu ini.
16. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan pengiktirafan kepakaran diberikan kepada pegawai yang berkelayakan sebagai pegawai *Subject Matter Expert* (SME) melalui suatu mekanisma yang akan diumumkan kemudian. Fokus diberikan kepada tujuh bidang tujahan baharu iaitu Kecerdasan Buatan, Keselamatan Siber, Transformasi Digital, Teknologi Makanan, Peralihan Tenaga, Persempadanan Negara dan Pengurusan Bencana.
17. Justeru, saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia melaporkan aktiviti khidmat kepakaran yang diberikan melalui Borang Maklumat Khidmat Pakar Agensi Nuklear Malaysia yang disediakan di platform *Sharepoint* Nuklear Malaysia.
18. Aktiviti-aktiviti ini adalah termasuk khidmat sebagai konsultan, pewart, penceramah, panel penilai, pembentang kertas kerja, penyelia pelajar Sarjana dan PhD, ketua projek penyelidikan dan lain-lain.
19. Pada tahun 2023, sebanyak 407 aktiviti dan khidmat kepakaran telah direkodkan dengan penglibatan seramai 154 orang pegawai penyelidik, manakala sehingga Jun 2024, seramai 76 orang pegawai telah memberi 179 khidmat kepakaran.

20. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat.

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

21. Pembangunan sumber manusia adalah usaha untuk melatih sumber manusia dan membentuk modal insan yang lebih produktif dalam mencapai tahap kompetensi optimum yang boleh disumbangkan semula kepada Jabatan.

22. Antara pulangan nilai atau *return of value* daripada pembangunan modal insan ialah pemindahan pengetahuan dan kemahiran kepada pihak-pihak berkepentingan.

23. Sebagai contoh, penganjuran *Follow-up Training Course* (FTC) dengan kerjasama *Japan Atomic Energy Agency* (JAEA) telah melibatkan pegawai-pegawai yang telah dilatih di Jepun untuk menyebarkan pengetahuan yang diperolehi di sana kepada kumpulan sasaran dalam negara.

24. Pada tahun 2024, seramai 40 orang peserta dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi telah terlibat di dalam tiga bidang FTC yang telah dianjurkan pada bulan Februari.

25. Saya yakin usaha dan pulangan nilai seumpama ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang mendatang.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.

26. Bulan Oktober menyaksikan kemuncak sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang merupakan salah satu aktiviti di bawah program yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Induk Dekad Bahasa Kebangsaan. Jawatankuasa Induk ini dinaungi oleh YAB Perdana Menteri, manakala Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan pula hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan.

27. Bulan Bahasa Kebangsaan ini adalah untuk memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia serta menguatkan rasa megah terhadap Bahasa Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan juga akan mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa yang akhirnya menjadi tonggak pembinaan negara bangsa. Bahasalah menyatukan kita semua. "Bahasa Jiwa Bangsa".

28. Maka, utamakan Bahasa Kebangsaan dalam urusan/program-program rasmi Jabatan dan gunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul dan tepat.

29. Bagi menyemarakkan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, Nuklear Malaysia akan menganjurkan tiga aktiviti khusus iaitu Pertandingan Fotografi AI, Pertandingan Deklamasi Sajak Patriotik yang dirancang akan diadakan pada 23 Oktober dan Pertandingan Sayembara Pantun pada 24 Oktober.

30. Pertandingan Fotografi AI akan membawa tema NUR: Nuklear Untuk Rakyat dan dijana dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul, manakala Pertandingan Deklamasi Sajak dan Sayembara Pantun sudah semestinya membawa tema “Bahasa Jiwa Bangsa”.

31. Sehubungan dengan itu, saya menyeru penglibatan aktif semua warga Nuklear Malaysia agar dapat menyemarakkan sambutan ini.

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

32. Modal insan mempunyai kesan yang besar terhadap kejayaan bukan sekadar kepada individu dan Jabatan tetapi juga kepada negara. Apabila modal insan meningkat dalam bidang seperti sains dan teknologi, pendidikan, dan penyampaian perkhidmatan ia akan membawa kepada peningkatan dalam inovasi, kesejahteraan sosial, kesamarataan, peningkatan produktiviti dan akhirnya menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi.

33. Mengakhiri ucapan saya untuk kali ini, sekali lagi saya ingin menyeru supaya kita bersama-sama bekerja dan menjalankan amanah ini dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap serta meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang.

34. Terima kasih kepada penganjur Perhimpunan Bulanan kali ini, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BSM). Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pagi kali ini secara langsung mahupun tidak langsung termasuklah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Unit Komunikasi Korporat (UKK), Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Bahagian Kejuruteraan (BKJ) dan Bahagian Sokongan Teknikal (BST) di atas komitmen yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**